

Sinar Harian 20/5/2018 m/s 42

Lagi bot nelayan Vietnam ditahan

KEMAMAN - Hasil aduan orang awam, sebuah bot nelayan asing yang menyamar bot nelayan tempatan berjaya ditahan. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) pada kedudukan 59 batu nautika dari Kemaman.

Bot nelayan dipercayai dari Vietnam itu yang dinaiki tujuh awak-awak termasuk tekong memperkenan nombor pendaftaran bot nelayan tempatan, PAF 4128 semasa ditahan.

Pengarah Maritim Negeri Pahang, Laksamana Muda Maritim Datuk Zulkarnain Mohd Omar berkata, bot berkenaan ditahan kira-kira jam 5.16 pagi pada Rabu lalu.

Katanya, kegiatan bot asing itu disedari pihaknya selepas menerima aduan awam bahawa terdapat sebuah bot berada dalam keadaan mencurigakan di perairan Kemaman.

"Susulan aduan itu, kapal ronda Maritim Malaysia yang sedang melaksanakan penugasan rondaan segera menghampiri kawasan bot terbabit sebelum berjaya me-



Bot nelayan dari Vietnam ini yang memperkenan nombor pendaftaran bot nelayan tempatan ditahan Maritim.

ngesan bot berkenaan.

"Setelah pemeriksaan dijalankan terhadap bot itu, tekong dan semua awak-awak didapati gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri, lesen bot dan permit kerja yang sah.

"Kesemua tujuh nelayan yang berada di dalam bot itu, berusia antara 23 hingga 30 tahun," katanya.

Tambahnya, bot tersebut ditahan di jeti Pangkalan Maritim Kemaman untuk siasatan lanjut di bawah Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63 kerana tiada dokumen pengenalan

diri serta permit kerja yang sah.

Berikut itu, Zulkarnain meminta agar orang awam berterusan memberi kerjasama berterusan dalam menyalurkan maklumat agar pencerobohan bot nelayan asing dapat dikekang sepenuhnya.

Katanya, sesiapa yang mempunyai maklumat atau ternampak pencerobohan nelayan asing boleh menyalurkan maklumat itu kepada Maritim Malaysia melalui talian 09-5717345 atau menerusi talian Mers 999 dengan kadar segera.